

HARI : AHAD
TARIKH : 2/6/2019
M/SURAT : 18

ohor Bahru

Bekalan makanan cukup

Kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dilihat berkesan dalam memastikan bekalan makanan serta keperluan sempena Aidilfitri tahun ini mencukupi.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, setakat ini belum ada aduan dan rungutan orang ramai berhubung kesukaran mendapatkan bekalan barang berkenaan.

"Barangan kita cukup dan KPDNHEP melaksanakan penguatkuasaan harga barang. Dua gabungan ini menjadi lebih efisien dan efektif," katanya.

Beliau berkata, demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Jualan Jimat Belanja Aidilfitri@Pasar Tani di Pasar Tani Datin Halimah, di sini, semalam.